

07/09/2002

Jangan tekan KL: Dr M (HL)

Kadir Dikoh

CYBERJAYA, Jumaat - Malaysia mengingatkan Singapura supaya jangan menggunakan syarat perjanjian yang ditandatangani kedua-dua negara sebelum ini, untuk terus menekan Kuala Lumpur dalam mencari penyelesaian berhubung isu harga air.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata perjanjian berkenaan memang menyatakan sebarang kajian semula harga air mesti dipersetujui kedua-dua negara.

"Tetapi republik itu harus menerima realiti keadaan sekarang dan harga air mentah yang dijual Malaysia, iaitu tiga sen bagi setiap 1,000 gelen (4,500 liter) pada 1957, masih kekal hingga kini.

"Sebenarnya kita patut mengkaji semula harga air 18 tahun lalu. Sekarang kita kerugian setiap hari dengan menjual air pada harga yang begitu rendah. Kita tidak boleh lagi menerima perkara ini," katanya kepada pemberita selepas pertemuan dengan anggota Panel Penasihat Antarabangsa Koridor Raya Multimedia (IAP-MSC) di sini, petang ini.

Beliau diminta mengulas mengenai kebuntuan rundingan pusingan kedua pakej isu dua hala kedua-dua negara di Singapura, Selasa lalu.

Dr Mahathir berkata, Singapura kelihatan tidak menerima realiti kerana jika mereka mahu menggunakan air kumbahan sekali pun, kos untuk berbuat demikian adalah sangat tinggi iaitu sehingga RM7 atau RM8 (bagi setiap 1,000 gelen).

"Kalau dia (Singapura) nak dapatkan air, air mentah daripada kita, walaupun jika harganya dinaikkan, kos merawatnya masih murah lagi. Tetapi itu pilihan mereka. Kita gembira jika mereka tidak mahu air kita kerana kita kerugian wang.

"Seperti saya nyatakan sebelum ini, tiada benda yang boleh dibeli dengan harga tiga sen pada 1957, boleh dibeli dengan harga itu sekarang. Jadi jika mereka rasa boleh dapatkan air dari sumber yang lain, kita tidak ada masalah," katanya.

Beliau berkata, Malaysia tidak mengaut untung pun daripada hasil jualan komoditi itu ke Singapura dan Kuala Lumpur juga tidak berniat untuk menambah hasil negara melalui penjualan air.

Ditanya sama ada masalah itu perlu diselesaikan dalam had masa tertentu, Dr Mahathir berkata: "Saya berpendapat sesuatu had masa memang diperlukan tetapi saya tidak tahu bagaimana tempoh masa itu (ditetapkan)."

Dr Mahathir berkata, lebih baik satu tempoh masa tertentu ditetapkan bagi penyelesaian isu itu kerana ia sukar diselesaikan selagi Singapura tidak menerima hakikat dan semata-mata berdasarkan kepada syarat perjanjian "kedua-dua pihak mesti bersetuju".

"Kalau keadaan betul-betul teruk, maka kita perlu mendapatkan penimbang tara. Tetapi Singapura perlu sedar bahawa mereka tidak boleh terus menekan kita hanya kerana syarat perjanjian mengatakan kedua-dua pihak mesti bersetuju," katanya.

Mengenai hasrat Singapura supaya isu dua hala termasuk air diselesaikan secara pakej dan bukan diasingkan, Dr Mahathir berkata pengasingan isu air daripada isu lain sebenarnya boleh membantu penyelesaian sesetengah daripada masalah dua hala yang tertangguh.

"Bagi kita, tidak menjadi hal sama ada ia diasingkan atau tidak. Kita boleh berbincang secara berasingan jika mereka mahu, tetapi saya berpendapat pengasingan air (dengan isu lain) mungkin membantu penyelesaian sesetengah masalah kerana Singapura tidak bertolak ansur dari

segi harga air," katanya.

Malaysia dan Singapura sudah bersetuju untuk membiarkan Perjanjian Air 1961 dan 1962 tamat pada 2011 dan 2061, dan satu perjanjian baru dimeterai jika republik itu mahukan bekalan air untuk 100 tahun lagi.

Mesyuarat dua hari yang berakhir di Singapura Selasa lalu, hanya memutuskan supaya satu pertemuan peringkat pegawai diadakan bagi merundingkan formula baru harga air yang dikemukakan Malaysia.

Hasil rundingan peringkat pegawai itu pula akan dikemukakan untuk persetujuan mesyuarat ketiga peringkat menteri yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada tarikh yang akan ditetapkan kelak.

Pada mesyuarat pertama di Kuala Lumpur, Julai lalu, kedua-dua negara juga gagal mencari penyelesaian berhubung isu tertunggak yang meliputi soal air, pengeluaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF); pembangunan tanah milik Keretapi Tanah Melayu (KTM) Bhd, penempatan pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Malaysia serta penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura.